

TITAH UCAPAN DYMM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL SEMPENA ISTIADAT PEMASYHURAN DAN MAJLIS KONVOKESYEN KOMEMORATIF KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA PADA 17 JULAI 2004 DI DEWAN WARISAN KANGAR, PERLIS

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMAT SEKALIAN

SYUKUR ALHAMDULLILLAH KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WA TAALA DI ATAS LIMPAH KURNIA DAN IZIN-NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA DI PAGI YANG PENUH KEMULIAAN INI.

PADA 1 SEPTEMBER 2003 YANG LALU, SAYA SECARA RASMI TELAH DILANTIK SEBAGAI CANSELOR PERTAMA KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) OLEH PADUKA AYAHANDA SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG.

PERLANTIKAN INI MERUPAKAN SATU PENGHORMATAN DAN AMANAH YANG CUKUP BESAR BAGI DIRI SAYA. MENJADI CANSELOR BAGI SEBUAH UNIVERSITI YANG BARU BERUSIA 3 TAHUN INI AMAT MENDESAK SERTA MENCABAR KEUPAYAAN, PENGALAMAN, SERTA KREATIVITI .

SEMANGAT BERKOBAR, JIWA TERUS MEMBARA. BEGITU LAH DIIBARATNYA PERASAAN SAYA TATKALA DIPERSEMBAHKAN WATIKAH PERLANTIKAN CANSELOR UNIVERSITI INI. PUN BEGITU, KEJAYAAN TIDAK AKAN DATING BERGOLEK TANPA SOKONGAN YANG PADU DARI SETIAP

INDIVIDU YANG BERGELAR WARGA KUKUM. KAPAL PASTI HILANG ARAH ANDAI SEMANGAT KERJASAMA NAKHODA DAN ANAK-ANAK KAPAL TIDAK BERSATU.

JUSTERU ITU SOKONGAN PADU DAN KERJASAMA YANG ERAT DARI SEMUA AHLI LEMBAGA PENGARAH, PIHAK PENGURUSAN SERTA SETIAP WARGA KUKUM AKAN MENJADI PEMBAKAR SEMANGAT UNTUK KITA SEMUA MERAH KEJAYAAN BERSAMA-SAMA DI BAWAH NAMA KUKUM.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

SAYA BERHARAP JANGAN LAH ADA DI ANTARA KITA BERSIKAP SEPERTI ENAU DI DALAM BELUKAR, MELEPASKAN PUCUK MASING-MASING. SUDAH TERBUKTI DI DALAM SEJARAH, KEJAYAAN SESUATU TAMADUN BANYAK BERGANTUNG KEPADA PERPADUAN DAN SEMANGAT BERPASUKANNYA. BULAT AIR KERANA PEMBENTUNG BULAT MANUSIA KERANA MUFAKAT. KITA HARUS INGAT SEGALA PENGORBANAN KITA HARI ADALAH KERANA UNTUK ANAK BANGSA TERCINTA DI MASA AKAN DATANG.

SAYA JUGA YAKIN DAN BERHARAP DATO' REKTOR YANG TELAH MEMACU UNIVERSITI INI SECARA RASMI SEJAK 16 FEBRUARI 2002 LAGI AGAR TERUS MEMBANTU SAYA MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KUKUM DIPERSADA NEGARA DAN DUNIA DALAM TEMPOH TERDEKAT. SAYA AKAN TERUS MEMBERI SOKONGAN YANG PADU KEPADA SETIAP AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH UNIVERSITI.

DI KESEMPATAN INI JUGA, SAYA INGIN BERPESAN KEPADA SETIAP PENSYARAH DAN KAKITANGAN KUKUM UNTUK TERUS BEKERJA DENGAN PENUH AMANAH DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH KERANA PERJALANAN MENUJU KEJAYAAN PENUH DENGAN LIKU-LIKU SERTA CABARAN. SAYA

JUGA INGIN MENINGGATKAN SETIAP WARGA KERJA KUKUM AGAR TERUS BERPEGANG ERAT DAN MEMAHAMI SECARA MENDALAM KEPADA MISI, VISI DAN MOTO UNIVERSITI. ANDAI TIDAK DIHAYATI MAKSUDNYA MAKA USAHA UNTUK MEMARTABATKAN NAMA UNIVERSITI AKAN MENJADI USAHA YANG SIA-SIA. SAYA PERCAYA TENAGA KERJA KUKUM YANG SEDIA ADA SEKARANG INI ADALAH YANG TERBAIK KERANA IA ADALAH PADUAN MEREKA YANG BERPENGALAMAN DAN MEREKA YANG MASIH MUDA TETAPI MEMPUNYAI ILTIZAM YANG TINGGI.

KEPADA PARA MAHASISWA DAN MAHASISWI KUKUM, TUNTUTLAH ILMU DENGAN SEIKHLAS HATI. JANGAN TAKUT ATAU MALU BERTANYA KEPADA PARA PENSYARAH ANDAI TIDAK MENGETAHUI DENGAN JELAS SESUATU MATA PELAJARAN. TANAMKAN SEMANGAT JATIDIRI YANG TINGGI DALAM DIRI MASING-MASING UNTUK BERGELAR GRADUAN YANG BERJAYA. SEDIAKANLAH DIRI UNTUK BELAJAR KE TAHAP YANG PALING TINGGI. HARAPAN DAN DOA IBU-BAPA YANG MENGUNUNG TINGGI JANGANLAH DISIA-SIAKAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

SESUNGUHNYA PERLIS AMAT BERTUAH KERANA TELAH TERPILIH SEBAGAI TAPAK PEMBANGUNAN BAGI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL SEPERTI KUKUM INI. IA JUGA SELARAS DENGAN HASRAT KERAJAAN NEGERI MENJADIKAN PERLIS SEBAGAI NEGERI ILMU. IMPAK KUKUM KEPADA PERLIS AMAT BESAR TERUTAMANYA DARI SEGI SOSIO-EKONOMI. SAYA BERHARAP KEBAIKAN YANG DIBAWA OLEH KUKUM KE NEGERI INI DAPAT DITERUSKAN HINGGA KE MASA-MASA AKAN DATANG.

KEPADA RAKYAT NEGERI PERLIS GUNAKAN SEGALA KESEMPATAN YANG TERHIDANG DENGAN ADANYA KUKUM INI UNTUK MENINGKATKAN

TARAF HIDUP SERTA PENDAPATAN DENGAN BERSIKAP RAJIN DAN INOVATIF.

SAYA JUGA AMAT BERHARAP PEMBINAAN KAMPUS TETAP KUKUM DI ULU PAUH DAN SUNGAI CHUCHUH AKAN DAPAT DISEGERAKAN AGAR MEMUDAHKAN PIHAK PENTADBIRAN UNIVERSITI INI UNTUK MENJANA PEMBANGUNAN DALAM DEKAD-DEKAD YANG MENDATANG.

KONSEP “KAMPUS TERAGIH” BIARPUN MEMPUNYAI KELEBIHAN NAMUN KITA HARUS BERSEDIA DARI SEGI LOGISTIK DAN KEMUDAHAN PRASARANA MEMANDANGKAN BILANGAN PELAJAR BARU AKAN SENTIASA MENINGKAT SETIAP TAHUN.

SEBELUM MENGAHIRI TITAH UCAPAN PADA PAGI YANG MULIA INI, SAYA SUKACITA INGIN MENINGATKAN KEPADA SELURUH WARGA KUKUM AGAR MENGUATKAN AZAM, ILTIZAM DAN SEMANGAT DAN TERUS BEKERJA DENGAN GIGIH UNTUK TERUS MEMARTABATKAN UNIVERSITI INI MENJADI CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.

SAYA DENGAN INI SECARA ZAHIRNYA MENERIMA PERLANTIKAN SEBAGAI CANSELOR KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA DI DALAM ISTIADAT PEMASYHURAN INI.

SAYA SUDAHI DENGAN WABILAHI TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.